

Jaminan Perdana Menteri—



■ Dr. Mahathir

Pelabur asing jangan bimbang...

GENTING HIGHLANDS, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberi jaminan, pelabur-pelabur asing di negara ini tidak perlu bimbang kerana kerajaan tidak bercadang menukar dasar-dasar pelaburan yang sedia ada.

Menurut beliau, negara ini tidak pernah menukarkan dasar pelaburannya malah tidak bercadang menukarnya sekarang.

"Kalangan peniaga tidak perlu bimbang kerana dasar itu tidak akan bertukar," katanya kepada para pemberita selepas merasmikan Forum Pelancongan ASEAN, di sini hari ini.

Mengulas laporan sebuah akhbar Britain mengenai langkah Permodalan Nasional Berhad (PNB) mengambil alih Syarikat Guthrie baru-baru ini, beliau berkata:

Dibuka untuk dijual

"Pelaburan adalah pelaburan dan tidak ada kena mengena dengan pembelian saham itu."

Menurut beliau: "Jika kita membeli saham di England, tidak bermakna dasar pelaburan kita akan bertukar."

Mengenal tawaran PNB bagi membeli saham Amalgamated Metals Corporation (AMC) di Pasaran Saham London, semalam, beliau menegaskan:

"Selagi saham itu dibuka untuk dijual, sesiapa sahaja boleh membelinya. PNB boleh membeli malah kita juga boleh membeli."

"Sehinggalah dikatakan PNB tidak boleh membeli sesuatu saham itu, jadi kita sendiri tidak akan membelinya," tambah beliau lagi.

Beliau sedar setengah akhbar di Britain 'mengapi-apikan' bahawa negara ini akan menukar dasar pelaburannya. "Itu hanya pandangan mereka yang memikirkan dasar pelaburan kita bertukar berikutan

pembelian saham itu," jelasnya.

Bagaimanapun, tegas Datuk Seri Dr. Mahathir, British telah memegang saham itu sejak 150 tahun lalu. "Sudah sampai masanya perkara ini ditukar," ujarnya.

Mengenal kedudukan Haji Abdul Rahim Abu Bakar sebagai Menteri Besar Pahang, beliau enggan mengulas lebih lanjut.

Memegang saham

Haji Rahim kini berada di tanah air setelah kembali menunaikan fardu haji kali kedua. Beliau pulang petang ini.

Ketika diminta mengulas laporan sebuah syarikat di Malaysia Timur yang berhasrat mendirikan kasino kedua selepas Genting Highlands, Perdana Menteri menegaskan:

"Kerajaan tidak akan meluluskan apa juga rancangan seperti itu. Sebuah kasino yang ada sekarang sudah mencukupi untuk semua."

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia